

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

AcciShield

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil AcciShield . Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Rider potongan unit ini memberikan pampasan sehingga Orang Yang Diinsuranskan berumur 70 apabila mengalami kecederaan kemalangan (iaitu perceraian anggota, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) atau kematian) yang disebabkan oleh kejadian keganasan, kemalangan, luaran dan peristiwa yang dapat dilihat. Satu peratusan khusus daripada jumlah Rider diinsuranskan berdasarkan kecederaan kemalangan yang dialami akan dibayar sekaligus.

Anda boleh tambah manfaat Rider ini dengan melampirkan mana-mana dua pilihan rider, iaitu:

- AcciMed
- AcciIncome

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Rider ini melindungi:

- Manfaat kematian dan HUMK akibat kemalangan * - RM <Jumlah> (iaitu Jumlah Rider yang Diinsuranskan);
- Manfaat Perceraian Anggota akibat Kemalangan - sehingga RM <Jumlah> dengan merujuk kepada jadual indemniti di bawah;
- Manfaat Indemniti Penerbangan Penumpang** - sehingga RM <Jumlah> dengan merujuk kepada jadual indemniti di bawah;
- Manfaat Indemniti Dua Kali Ganda - dua kali ganda jumlah amanah yang perlu dibayar berdasarkan jadual indemniti jika kecederaan kemalangan adalah dialami semasa orang yang diinsuranskan sama ada menunggang sebagai penumpang dalam kenderaan awam yang digerakkan secara mekanikal bukan udara, atau sebagai penumpang dalam lif atau diakibat oleh kebakaran yang berlaku dalam panggung wayang, hotel atau bangunan awam.

Jadual Indemniti

Pekara	Kecederaan Kemalangan	Peratus Jumlah Rider Diinsuranskan yang akan Dibayar (%)
1	Hilang Nyawa	100
2	Hilang dua anggota atau lebih yang disebab oleh amputasi pada atau atas Pergelangan Tangan atau Pergelangan Kaki.	100
3	Hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak dapat dipulih pada kedua-dua belah mata	100
4	Hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak dapat dipulih pada sebelah mata serta hilang satu anggota yang disebab oleh amputasi pada atau atas ebelah Pergelangan Tangan atau Pergelangan Kaki	100
5	Hilang satu Anggota disebab oleh amputasi pada atau atas Pergelangan Tangan atau Pergelangan Kaki	50
6	Hilang penglihatan secara menyeluruh dan tidak dapat dipulih pada sebelah mata	50
7	Hilang lengan dari bahu secara menyeluruh dan kekal	100
8	Hilang lengan bawah secara menyeluruh dan kekal	100
9	Hilang paha secara menyeluruh dan kekal	100
10	Hilang kaki pada atau di bawah lutut secara menyeluruh dan kekal	100
11	Hilang pendengaran secara menyeluruh dan kekal di kedua-dua belah telinga	75
12	Hilang keupayaan bertutur secara menyeluruh dan kekal	50
13	Hilang pendengaran secara menyeluruh dan kekal di sebelah telinga	15
14	Hilang ibu jari tangan secara menyeluruh dan kekal <ul style="list-style-type: none"> - kedua-dua falanks - satu falanks 	25 10
15	Hilang jari telunjuk secara menyeluruh dan kekal <ul style="list-style-type: none"> - tiga falanks - kedua-dua falanks - satu falanks 	15 8 4
16	Hilang jari tengah secara menyeluruh dan kekal <ul style="list-style-type: none"> - tiga falanks - kedua-dua falanks - satu falanks 	6 4 2
17	Hilang jari manis secara menyeluruh dan kekal <ul style="list-style-type: none"> - tiga falanks - dua-dua falanks - satu falanks 	5 4 2
18	Hilang jari kelengkeng secara menyeluruh dan kekal <ul style="list-style-type: none"> - tiga falanks - dua-dua falanks - satu falanks 	4 3 2
19	Hilang jari kaki secara menyeluruh dan kekal <ul style="list-style-type: none"> - semua pada sebelah kaki - ibu jari kaki, kedua-dua falanks - ibu jari kaki, satu falanks - selain ibu jari kaki, jika lebih daripada satu jari kaki hilang setiap satu 	15 5 2 1

- Sekiranya berlaku pelbagai kecederaan yang diakibat oleh kemalangan yang sama, % indemniti yang agregat untuk setiap kecederaan di bawah perkara 2 hingga 19 daripada jadual indemniti akan dibayar dengan peruntukan jumlah indemniti yang dibayar tidak akan melebihi 100% daripada jumlah Rider diinsuranskan.

Tokio Marine
Life Insurance Malaysia Bhd.

Catatan:

- *Jumlah yang akan dibayar bagi manfaat HUMK adalah 100% daripada jumlah Rider diinsuranskan ditolak dengan amaun lain yang telah dibayar sebelum ini di bawah Rider ini.
- **Manfaat Indemniti Penerbangan Penumpang hanya akan dibayar jika kecederaan kemalangan yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan adalah berlaku semasa sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat milik penumpang dan disediakan oleh perbadanan pembawa penumpang dan dikendalikan oleh juruterbang berlesen dalam perjalanan yang dijadualkan melalui laluan penumpang yang diiktiraf sedemikian dijalankan, dan antara lapangan terbang yang sudah diiktiraf.

Tempoh Perlindungan: Sehingga berlakunya kematian/HUMK Orang yang Diinsuranskan yang diaikat oleh kemalangan , jumlah amaun yang dituntut di bawah manfaat perceraian anggota mencapai atau melebihi 50% daripada jumlah rider diinsuranskan, tamat tempoh rider, atau penyerahan / keluputan / pembatalan rider ini atau pelan Insurans Berkaitan Perlaburan asas, mengikut mana yang lebih awal.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Ini ialah rider potongan unit. Sila rujuk maklumat jualan untuk maklumat terperinci.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Caj Insurans rider ini akan ditolak pada setiap bulan daripada nilai dana anda. Caj Insurans akan dicaj mengikut kelas pekerjaan anda:

Catatan:

- Caj insurans yang ditunjuk dalam ilustrasi jualan hanya diaplikasi kepada risiko piawai sahaja.
- Caj Insurans untuk rider ini adalah tidak dijamin dan mungkin akan menambah semasa pembaharuan. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans dengan memberi notis 90 hari awal kepada anda. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan anda dan tugas anda yang mungkin menjelaskan profil risiko serta bilangan polisi kemalangan diri yang telah anda beli daripada syarikat insurans yang lain.
- Tempoh berkenan - anda boleh membatalkan rider anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran rider ini kepada anda. Kami akan membayar balik caj insurans yang telah dibayar untuk rider ini tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
- Nilai Dana - Nilai Dana ILP bergantung pada prestasi dana berkaitan perlaban yang dipilih. Semakin tinggi paras perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit akan ditolak untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang baki untuk mengumpul Nilai Dana di bawah polisi anda.
- Polisi luput - rider akan dibatalkan jika polisi asas luput akibat Nilai Dana tidak mencukupi untuk membayar caj insuransi dan caj lain serta Jaminan Tidak Luput telah dibatalkan.
- Caj Insurans - Caj Insurans adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari awal. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.
- Notis tuntutan - Notis tuntutan bertulis perlu diserahkan kepada kami dengan memberikan butiran lengkap tentang sebarang kecederaan dalam tempoh 30 hari selepas hari kejadian. Jika berlaku kematian atau dismembermen kekal,notis tuntutan perlu diberi dengan segera.

Catatan: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah rider ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Tiada manfaat akan dibayar jika kematian, hilang upaya atau kecederaan kemalangan adalah akibat secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagianya oleh:

- sebarang bentuk masalah kesihatan atau penyakit yang disebabkan oleh punca bukan kemalangan;
- percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
- kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan;
- kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
- sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas taluan komersial yang berjedual tetap);
- pelayaran kapal selam;
- perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- pengembalian ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
- sebarang bentuk hilang upaya dan HUMK yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider, yang mana lebih kemudian;
- perperangan yang diisyitiharkan atau tidak diisyitiharkan, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam;
- keadaan sedia ada;
- hernia, jangkitan ptomaina atau bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku disebabkan dan melalui luka atau kecederaan kemalangan); atau
- racun, gas, wasap (secara sukarela atau bukan sukarela, tidak disengajakan atau sebaliknya, diambil, diberikan, diserap atau disedut).

Catatan: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi kontrak untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah rider ini.

7. Bolehkah saya batalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, perlindungan akan diberikan sehingga hari sebelum caj insurans bulanan seterus perlu dibayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon / butiran peribadi?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan profil anda termasuk pekerjaan dan tugas anda yang mungkin menjadikan profil risiko tersebut.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di www.tokiomarine.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Talian Am : 03-2059 6188
Faks : 03-2162 8068
Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999
E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan?

Sila tanya kami/ ejen anda untuk pelan yang seumpamanya.

MAKLUMAN PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCATAT SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA.

ANDA MESTILAH MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>